

Headline **RM10,250 menanti kaki pancing**  
Date **24 Apr 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Selangor & KL**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **S27**  
Article Size **151 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **831**  
PRValue **2,492**



## RM10,250 menanti kaki pancing

**KEPONG ULU** – Pihak Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) menjemput orang ramai menyertai Pertandingan Memancing Sempena Ulang Tahun Ke-25 Frim pada 2 Mei ini.

Wang tunai berjumlah RM10,250 menanti pemenang pertandingan yang berlangsung setengah hari itu di Taman Botani Kepong Frim, bermula jam 8 pagi.

Pemenang utama akan menerima RM5,000, kedua RM3,000, ketiga RM1,000, keempat RM500, kelima RM250 dan hadiah keenam hingga 10, RM100.

Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abdul Latif Mohmod, berkata, selain pelbagai acara yang diadakan, pihaknya akan memperkenalkan kempen anak angkat pokok Frim.

Menurutnya, selain individu, syarikat korporat terutamanya digalakkan menanam atau menjaga pokok di Frim sebagai pokok anak

angkat dan menjadi Sahabat Frim.

“Dengan menjadikan pokok di Frim ini sebagai anak angkat, orang ramai berpeluang menyumbang kepada alam sekitar, masyarakat dan negara.

“Mereka sendiri boleh memilih pokok sedia ada untuk dijadikan pokok anak angkat atau kita akan sediakan tempat seperti di Taman Botani ini bagi mereka menanam pokok jenis pilihan mereka sendiri,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelepasan ikan sempena pertandingan memancing berkenaan, di Taman Botani Kepong di sini, semalam.

Abdul Latif berkata, orang ramai dijemput datang beramai-ramai ke pertandingan itu nanti bersama keluarga untuk beriadah dan menghabiskan cuti hujung minggu.

Buat masa ini, dari 500 tempat dibuka untuk pertandingan berkenaan, 85

peratus daripada peserta sudah mendaftar.

Dalam pada itu, urus setia kejohanan, Mohd Hasan Buang berkata, peluang menyertai pertandingan itu masih dibuka dan mereka berminat boleh menghubungi di talian 012-6503856 atau 019-245 1012 (Sam).

Difahamkan, acara lain yang bakal diadakan ialah pertandingan karaoke, mewarna, cabutan bertuah dan lain-lain dengan kerjasama pihak Bank Rakyat yang memberi peluang kepada kanak-kanak untuk membuka akaun bank.

### INFO

- Frim akan memperkenalkan kempen anak angkat pokok
- Sehingga kini, 85 peratus telah mendaftar untuk menyertainya